

Roboh 27 struktur milik warga asing



JENTERA berat digunakan untuk merobohkan premis perniagaan milik warga asing.

Kuala Lumpur: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) merobohkan 27 struktur milik warga asing termasuk tiga kedai runcit, sebuah surau dan satu bangunan perniagaan besi buruk yang sudah dikosongkan.

DBKL dalam satu kenyataan berkata, tindakan diambil menerusi Operasi Tindakan Bersepadu Roboh Struktur bersama Pasukan Arhan di Lot 201224, Jalan

1/48A di Bandar Baru Sentul jam 9.30 pagi kelmarin.

Tindakan roboh dilakukan berdasarkan kesalahan di bawah seksyen 46 (1) (a), Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974.

“Operasi bersepadu membabitkan beberapa jabatan dalaman DBKL seperti Jabatan Penguatkuasaan, Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Elektrikal, Jabatan Penilai dan Penguurusan Harta serta Pejabat

Cawangan Batu.

“Turut disertai oleh beberapa agensi seperti Pejabat Tanah dan Galian, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (PTGWPKL), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Air Selangor (Syabas) dan Tenaga Nasional Berhad (TNB),” katanya.

Katanya lagi, operasi bersepadu berjalannya lancar dengan kerjasama daripada semua agensi yang terbabit dan tindakan sama akan

diteruskan di lokasi lain dari masa ke semasa.

Harian Metro sebelum ini membongkar kewujudan perkampungan warga asing di tengah kota yang dihuni rata-rata oleh warga Rohingya dan Bangladesh di kawasan berkenaan.

Susulan itu operasi dilakukan pihak Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) bagi menahan pendatang asing tanpa izin yang menghuni kawasan itu.



NOTIS arahan pengosongan premis dikeluarkan DBKL.



PIHAK berkuasa memeriksa premis haram warga asing.